

TAKLIMAT KESELAMATAN

HENDAKLAH DIBACA OLEH KETUA PENGAWAS SELEPAS PELAJAR MASUK KE DEWAN PEPERIKSAAN

Di sini disampaikan tindakan dan langkah keselamatan yang perlu diambil semasa berlaku kecemasan.

Saudara/i sekarang berada di **(nama Dewan Peperiksaan)**. Jika berlaku kecemasan atau sekiranya loceng kecemasan berbunyi, saudara/i diminta untuk bertenang dan jangan panik. Sila keluar menggunakan pintu yang berhampiran dengan saudara/i, sila tinggalkan barang-barang saudara/i dan bergerak secara teratur ke tempat berkumpul kecemasan yang telah ditetapkan.

Sila gunakan tangga dan saudara/i dilarang sama sekali menggunakan lif sewaktu kecemasan.

Sekiranya ada diantara saudara/i mempunyai penyakit kronik atau memerlukan sebarang bantuan, sila maklumkan kepada Ketua Pengawas/ Pengawas Peperiksaan.

Sila tunggu arahan dan pengumuman yang dibuat selanjutnya oleh pihak Ketua Pengawas/ Pengawas Peperiksaan.

Sekian, terima kasih.